

**ANALISIS FALSAFAH POLITIK JOHN LOCKE
DAN APLIKASINYA TERHADAP INTEGRASI
IRIAN BARAT**

STENLY DJALALUDIN SALEH DJATAH

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2011**

**ANALISIS FALSAFAH POLITIK JOHN LOCKE DAN APLIKASINYA
TERHADAP INTEGRASI IRIAN BARAT**

OLEH

STENLY DJALALUDIN SALEH DJATAH

**Tesis yang Diserahkan untuk Memenuhi Keperluan Ijazah Doktor Falsafah dalam
Bidang Falsafah Politik**

Disember 2011

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Disember 2011

STENLY DJALALUDIN SALEH DJATAH
P-HD0001/08 (R)

PENGHARGAAN

Puji syukur patut saya naikkan kepada Tuhan Yesus Kristus sumber kekuatan dan semangat. DaripadaNya saya belajar mencintai bukan hanya semua manusia tetapi sesemesta ciptaanNya. Air, batu, pokok-pokok, ikan, burung-burung di udara apalagi kehadiran sesama manusia, membuat saya mengerti tanggung jawab memperjuangkan cinta bagi semua makhluk. CintaNya kepada manusia, terutama mereka yang sering kalah dan menderita kerana status sosial yang rendah, telah membakar jiwa saya yang akhirnya berhujung kepada keputusan melanjutkan pengajian dalam bidang falsafah politik. Kajian ini saya fahami sebagai kewajipan, kerana dari sinilah amalan mencintai sesama manusia khususnya mereka yang diketepikan akan saya mulakan.

Profesor Madya Dr. Lok Chong Hoe dan Peter Gan Chong Beng adalah dua penyelia yang sangat berharga bagi saya kerana telah membantu dalam menyelesaikan penghasilan tesis ini. Hingga saat ini saya belum berjaya menemukan cara yang tepat untuk menyatakan rasa terima kasih saya ke atas perjuangan mereka berdua, dalam melakukan pekerjaan penyeliaan. Saya tidak hanya mendapat banyak idea-idea yang sangat bernilai bagi tesis ini, tetapi juga belajar apa ertinya kecermatan, kejujuran, ketekunan dan kesabaran. Mereka berdua bagi saya bukan hanya sebagai penyelia tetapi juga sahabat. Ucapan terima kasih yang tak terhingga, saya harus sampaikan kepada Profesor Dr. Dato' Abu Talib Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, tempat saya belajar. Oleh persetujuan beliau maka Universiti Sains Malaysia telah mengabulkan permohonan *Fellowship Research Grants* yang saya terima sejak tahun pertama hingga tahun ketiga menyelesaikan

pengajian ini. Oleh *Fellowship Research Grants* itu, saya bukan hanya dibebaskan dari kewajipan membayar yuran kuliah tetapi juga menerima wang bagi biaya hidup dan keperluan penyelidikan yang jumlahnya melebihi daripada keperluan saya. Dr. Ratna Roshida Abdul Razak, penyelaras Bahagian Falsafah dan Tamadun, harus saya sebut dalam bahagian ini. Beliau telah menjadi rakan kerja yang sangat baik. Ia bukan hanya memberi saya kesempatan mengajar kelas tutorial kursus Pemikiran Kritis tetapi juga memberi semangat dan sokongan bagi menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Prof. Dr. J.A Rosenthal, Prof. Dr. Timo Kivimaki dan Prof. Dr. Peter Drooglever adalah para pakar yang saya harus sebutkan namanya. Mereka telah berjasa menyumbangkan sokongan yang tak berbelah bagi dengan memberikan buku yang mereka tulis secara percuma, sehingga saya boleh mengatasi keterbatasan bahan rujukan. Bukan itu sahaja, masa perbincangan yang mereka berikan sangat bernilai.

Kepada Universiti Pelita Harapan, Lippo Karawaci, Indonesia, khususnya Fakulti Liberal Arts, tempat saya menjadi pensyarah kursus falsafah, ucapan terima kasih yang tak terhingga tentu harus saya sampaikan. Sokongan yang sangat berharga telah mereka berikan.

Dr. Trowce Lista Nalle, istri tercinta yang telah bersama-sama berjuang, sabar dan terus memberi semangat sehingga saya dapat menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Apalagi, anak kami, Carmely Eucharisty, kehadirannya bersama kami di Penang selama menempuh pengajian menjadi sumber semangat yang tidak dapat digantikan.

Sokongan dari keluarga, Ibu, Abang dan kakak tentu tak akan pernah dilupakan. Mereka bangga kerana saya telah berjaya menyelesaikan pengajian tertinggi.

Akhirnya kepada semua kawan, dan kerabat yang telah memberi sokongan terhadap saya dan keluarga, kami mengucapkan banyak terima kasih.

Penang, Disember 2011

STENLY DJALALUDIN SALEH DJATAH

KANDUNGAN

Isi	Halaman
Pengakuan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Kandungan.....	vi
Abstrak.....	x
<i>Abstract</i>	xii
Senarai Singkatan.....	xiv

BAB SATU – PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Penyelidikan.....	1
1.2. Skop Penyelidikan.....	3
1.3. Soalan Penyelidikan.....	4
1.4. Objektif Penyelidikan.....	4
1.5. Sumbangan Penyelidikan.....	5
1.6. Tinjauan Kajian Lalu.....	5
1.7. Kaedah Penyelidikan.....	17
1.8. Organisasi Tesis.....	23

BAB DUA – KONTEKS FALSAFAH POLITIK JOHN LOCKE

2.1. Konteks Gagasan Politik John Locke.....	27
2.2. Richard Hooker.....	28
2.2.1. Hierarki Hukum.....	29
2.2.2. Hubungan Gereja dan Negara.....	34
2.2.3. Kekuasaan Negara.....	36
2.2.3.1. Keadaan Alamiah (<i>State of Nature</i>).....	37
2.2.3.2. Kontrak Sosial.....	42
2.2.3.3. Anatomi Kekuasaan Negara.....	45
2.3. Thomas Hobbes.....	47
2.3.1. Keadaan Alamiah.....	49
2.3.1.1. Kekuasaan Alamiah.....	50
2.3.1.2. Kesetaraan.....	52
2.3.1.3. Keadaan Perang (<i>Condition of War</i>).....	53
2.3.1.4. Hak Alamiah (<i>Jus Naturale</i>).....	57
2.3.1.5. Hukum Alamiah (<i>Lex Naturale</i>).....	63
2.3.2. Kontrak Sosial.....	68
2.4. Perjumpaan Gagasan Hooker, Hobbes dan Locke.....	74
2.4.1. Hubungkait Gagasan Richard Hooker dan John Locke.....	74
2.4.1.1. Gagasan Keadaan Alamiah.....	74

2.4.1.2. Kontrak Sosial.....	80
2.4.1.3. Gagasan Kekuasaan Negara.....	81
2.4.1.4. Keaslian Gagasan John Locke.....	83
2.4.2. Hubungkait Gagasan John Locke dan Thomas Hobbes.....	84
2.4.2.1. Gagasan Keadaan Alamiah.....	85
2.4.2.2. Gagasan Kontrak Sosial.....	87
2.4.2.3. Hubungkait Gagasan Kekuasaan Negara.....	89
2.5. Kesimpulan.....	90

BAB TIGA - INTERPRETASI GAGASAN KEADAAN ALAMIAH

3.1. Gagasan Keadaan Alamiah.....	92
3.2. Idea Asas Dalam Gagasan Keadaan Alamiah.....	96
3.2.1. Manusia Sebagai Idea Asas.....	100
3.2.1.1. Manusia dan Makna Kebebasan.....	105
3.2.1.2. Manusia dan Kesetaraan.....	117
3.2.1.3. Manusia dan Kekuasaan.....	124
3.2.2. Interpretasi Hukum Alamiah.....	130
3.2.2.1. Tuhan dalam Hukum Alamiah.....	133
3.2.2.2. Kepastian Nilai Moral dalam Hukum Alamiah.....	144
3.2.2.3. Gagasan Hedonistik dalam Hukum Alamiah.....	150
3.3. Keraguan Terhadap Gagasan Keadaan Alamiah.....	153
3.3.1. Ketidaksempurnaan Fungsi Moral.....	154
3.3.2. Perang dan Damai Janin Permuafakatan.....	157
3.4. Kesimpulan.....	159

BAB EMPAT - INTERPRETASI GAGASAN PERMUAFAKATAN POLITIK

4.1. Idea Asas Dalam Gagasan Permuafakatan Politik.....	161
4.1.1. Gagasan Kontrak Sosial.....	162
4.1.1.1. Individu Sebagai Subjek Permuafakatan.....	174
4.1.1.2. Individu yang Terancam.....	176
4.1.1.3. Fungsi Akal dan Hukum Moral Dalam Permuafakatan.....	179
4.1.1.4. Utopia Kebahagiaan Individu.....	183
4.1.1.5. Eskatologi Kekuasaan Negara.....	188
4.1.2. Masyarakat Politik Sebagai Prototaip Negara.....	190
4.1.3. Apologetik Kontrak Sosial.....	194
4.1.3.1. Fransiso Suarez Tentang Pemerintahan Politik.....	195
4.1.3.2. Idea Asas dan Kritik Filmer dalam Patriarcha.....	199
4.1.3.3. Kritik John Locke Terhadap Karya Patriarcha.....	204
4.1.3.4. Kritik Terhadap Epistemologi Filmer.....	204
4.1.3.5. Kritik Terhadap <i>Regia Potestas</i> dan <i>Pater Potestas</i>	208
4.1.3.6. Kritik Terhadap Kedaulatan Adam.....	212
4.2. Kekuasaan Politik.....	216

4.2.1. Hakikat Kekuasaan Politik.....	218
4.2.2. Tujuan Kekuasaan Politik.....	219
4.2.3. Kekuasaan Politik Tidak Mutlak.....	222
4.2.4. Fungsi Kekuasaan Politik.....	225
4.2.4.1. Jaminan Terhadap Kebebasan.....	228
4.2.4.2. Jaminan Terhadap Pemilikan dan Kebahagiaan.....	236
4.3. Kesimpulan.....	238

BAB LIMA - INTERPRETASI TEKS INTEGRASI IRIAN BARAT

5.1. Memahami Teks Integrasi Irian Barat.....	240
5.2. Sengketa Irian Barat.....	242
5.2.1. Perspektif Pemerintah Indonesia.....	242
5.2.2. Perspektif Kerajaan Belanda.....	248
5.2.3. Perspektif Pengkaji Indonesia Semasa.....	251
5.3. Interpretasi Teks Resolusi Kepala Adat dan Wakil Rakyat Nieuw Guinea, 20 Mei 1950.....	257
5.3.1. Bahagian 1: 1-10.....	258
5.3.1.1. Indikasi Kekuasaan Alamiah.....	259
5.3.1.2. Indikasi Permuafakatan.....	262
5.3.1.3. Indikasi Kekuasaan Politik.....	268
5.3.2. Bahagian 2: 1-10.....	271
5.3.2.1. Artikel 1.....	271
5.3.2.2. Artikel 2 dan 6.....	273
5.3.2.3. Artikel 3 dan 4.....	276
5.3.2.4. Artikel 5 dan 7.....	279
5.3.2.5. Artikel 8-11.....	281
5.3.3. Bahagian 3: 1 – 4.....	282
5.3.3.1. Artikel 1.....	282
5.3.3.2. Artikel 2.....	282
5.3.3.3. Artikel 3 dan 4.....	285
5.4. Interpretasi Teks <i>New York Agreement (NYA)</i> 1962.....	285
5.4.1. Struktur teks.....	286
5.4.2. Interpretasi Teks NYA 1962.....	287
5.4.2.1. Bahagian Pengenalan Teks.....	288
5.4.2.2. Teks Artikel 2-13.....	289
5.4.2.3. Teks Artikel 14-21.....	291
5.4.2.4. Artikel 14.....	292
5.4.2.5. Artikel 15 -21.....	294
5.4.2.6. Artikel 22.....	296
5.5. Interpretasi Undang- Undang no 12.1969.....	297
5.5.1. Bab I: 1 – 4.....	298
5.5.2. Bab II: 5 – 7.....	299
5.6. Kesimpulan.....	301

BAB ENAM - KESIMPULAN

6.1 Kesimpulan dan Dapatan Baru Kajian.....	303
6.2. Saranan Penyelidikan Lanjut.....	308

Bibliografi.....	310
------------------	-----

Lampiran 1: *Resolution Adat-Head c.s. at Hollandia, of May 20th 1950`*

Lampiran 2: New York Agreement: *Agreement Between The Republic of Indonesia and The Kingdom of The Netherlands Concerning West New Guinea*
Persetujuan antara Republik Indonesia dan Keradjaan
Nederland Mengenai Irian Barat.

Lampiran 3: Undang-Undang Pemerintah Republik Indonesia tentang
Pembentukan Propinsi Autonom Irian Barat dan Kabupaten-
Kabupaten Autonom di Propinsi Irian Barat.

ANALISIS FALSAFAH POLITIK JOHN LOCKE DAN APLIKASINYA TERHADAP INTEGRASI IRIAN BARAT.

ABSTRAK

Seperti kajian-kajian lepas yang bertitik tolak daripada *Two Treatises of Government*, saya juga akan melakukan hal yang serupa untuk menemukan beberapa gagasan asas falsafah politik John Locke.

Tesis ini ditulis untuk menemukan gagasan-gagasan yang kukuh dalam *Two Treatises of Government* yang dianggap dapat memberi sumbangan kepada interpretasi teks Integrasi Irian Barat (*West Irian*) ke dalam Republik Indonesia tahun 1969. Untuk kepentingan itu, kaedah interpretasi topikal akan digunakan untuk memahami teks *Two Treatises of Government* dan teks integrasi yang dimaksud.

Ditemukan bahawa dalam karya *Two Treatises of Government*, John Locke mendasarkan falsafah politiknya pada tiga gagasan asas yang saling berhubungkait, iaitu Keadaan Alamiah (*State of Nature*), Permuafakatan (*Consent*) dan Kekuasaan Politik (*Political Power*). Kekuasaan Politik bersumber daripada Permuafakatan. Permuafakatan wujud kerana gagasan Keadaan Alamiah. Hukum alamiah yang bersumber daripada Tuhan, dan dapat difahami oleh akal, dianggap sebagai hukum moral yang mengatur semua individu dalam keadaan Alamiah. Oleh kerana akal budinya, manusia sedar keharusan wujudnya satu pemerintahan politik, yang dapat menjamin keselamatan dan hak milik mereka.

Ketiga-tiga gagasan tersebut membawa dampak besar ke atas interpretasi teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia tahun 1969. Dampak itu adalah bahwa kekuasaan politik yang sah yang dibicarakan dalam kes integrasi harus lahir dari permuafakatan atau kontrak sosial. Kekuasaan politik yang sah yang dimaksud dalam teks integrasi harus dilihat sebagai satu kehendak yang lahir melalui proses yang rasional daripada masyarakat Irian Barat untuk mendapatkan jaminan keselamatan ke atas kehidupan dan harta milik mereka.

AN ANALYSIS OF JOHN LOCKE'S POLITICAL PHILOSOPHY AND ITS APPLICATION TO THE WEST IRIAN'S INTEGRATION.

ABSTRACT

This thesis attempts to unravel the compelling ideas found in John Locke's *Two Treatises of Government*. It is assumed that those ideas can be applied to interpreting relevant documents that pertain to the 1969 integration of Irian Jaya (West Irian) into the Republic of Indonesia. In order to achieve the purposes of this thesis, the method of topical interpretation will be used to read Locke's work and those relevant documents.

The *Two Treatises of Government* contains a political philosophy predicated upon three fundamental and mutually related concepts of the State of Nature, Consent, and Political Power. Political power originates from consent and consent exists on account of the state of nature. The law of nature, according to Locke, is derived from God, and is amenable to the appeal of reason in human beings. This law of nature is then regarded as a moral law that governs all individuals in the state of nature. Through reasoning, we are able to realize the imperative of having a political government to ensure personal safety and protection of property.

The above three fundamental concepts carry immense implications when applied to reading the documents of the 1969 integration of Irian Jaya into the Republic of Indonesia. One principal implication is that a legitimate political power

ought to arise from consent and the social contract. In the context of the Irian Jaya case, legitimization of political power as referred to in the integration documents, should come from the people of that region via a rational political process that takes into consideration the assurance of their personal safety and property protection.

SENARAI SINGKATAN

ABRI	-	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia.
cet	-	Cetakan
DEPHANKAM	-	Departemen Pertahanan dan Keamanan
ed	-	Editor
hlm	-	Halaman
KNP	-	Komite Nasional Papua
no	-	Nombor
NYA	-	New York Agreement
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PEPERA	-	Penentuan Pendapat Rakyat
PIDRIS	-	Partai Irian Dalam Republik Indonesia
RI	-	Republik Indonesia
RTC	-	Round Table Conference
TNI	-	Tentara Republik Indonesia
terj	-	Terjemahan
TRIKORA	-	Tri Komando Rakyat
UNTEA	-	United Nations Temporary Executive Administration
UU	-	Undang - Undang
vol	-	Volume

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Penyelidikan.

Dalam kajian ini akan dilakukan tafsiran teks terhadap idea falsafah politik John Locke. Idea yang dimaksud iaitu: gagasan tentang Keadaan Semulajadi (*State of Nature*), kontrak sosial dan Kekuasaan Politik (*Political Power*) di dalam karyanya *Two Treatises of Government*. Pentafsiran itu akan dilasanakan bersama-sama dengan pentafsiran ke atas teks–teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia 1969.

Kajian ini dijalankan berasaskan andaian bahawa idea falsafah politik John Locke dapat menyumbang idea untuk perbincangan integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia yang masih dipertikaikan. Andaian ini dilahirkan selepas saya membaca *Two Treatises of Government* dan teks–teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia. Saya melihat bahawa beberapa idea asas falsafah politik John Locke selari dengan idea dalam teks–teks integrasi. Kajian ini menjadi penting kerana kajian–kajian keatas pertikaian di Irian Barat yang telah dilakukan sebahagian besar terhad dalam kajian sejarah, sains politik, ekonomi, dan budaya. Ini yang mengukuhkan semangat saya menjalankan kajian yang mendalam terhadap falsafah politik John Locke dan teks integrasi.

Beberapa idea asas John Locke di atas boleh dijelaskan seperti berikut. Dalam *Two Treatises of Government*, Locke memulakan penjelasannya tentang anatomi kekuasaan negara. Kekuasaan negara, oleh Locke dianggap, hanya boleh difahami dengan menghubungkan idea Kekuasaan Politik dengan Keadaan Semulajadi (*State of Nature*)¹. Menurut Locke, Keadaan Semulajadi adalah keadaan di mana setiap individu hidup di bawah Hukum Alam (*Law of Nature*)². Hukum Alamiah yang dimaksudkan hanya boleh difahami melalui akal³. Dalam Keadaan Semulajadi, setiap individu memiliki kebebasan yang sama.⁴ Tiada undang-undang yang dipersetujui bersama-sama. Oleh itu dalam Keadaan Semulajadi, setiap individu mempunyai kuasa untuk menghukum. Ini bermakna bahawa seorang individu boleh menghukum individu yang lain. Dalam Keadaan Alamiah, individu sedar bahawa keadaan mereka tidak selamat⁵. Mereka mampu menyerang dan mencederakan satu sama lain. Semua individu berada di bawah ancaman. Seorang individu menjadi berbahaya kepada individu lain. Untuk mengelakkan keadaan berbahaya tersebut dan juga melindungi hak milik, individu-individu dalam Keadaan Alamiah, semua individu membuat keputusan untuk membentuk atau bergabung dengan masyarakat politik⁶. Ini yang dipanggil oleh Locke *Consent*, atau kontrak sosial. Melalui kontrak sosial, setiap individu menyerahkan kuasa semulajadi (*Natural Power*) kepada masyarakat. Masyarakat meletakkan kuasa itu ke tangan orang-orang yang dianggap

¹ John Locke, *Two Treatises of Government* Peter Laslett (ed). (Cambridge: Cambridge university Press, 1998) II. 4

² *Ibid* II.6

³ *Ibid*

⁴ *Ibid*

⁵ *Ibid* .II.123

⁶ *Ibid*. II.136

sesuai⁷. Orang-orang yang menerima kuasa ini dipanggil badan perundangan. Kuasa badan perundangan merupakan kuasa tertinggi dalam sebuah negara⁸.

Menurut saya, idea John Locke di atas berhubungkait dengan idea dalam teks-teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia. Hubungkait itu dapat menjadi alasan lahirnya andaian yang lain, iaitu idea John Locke boleh juga memberi sumbangan kepada pentafsiran teks integrasi Irian Barat. Untuk memastikan sumbangan idea-idea John Locke dalam pembincangan integrasi, kajian yang mendalam perlu dilakukan ke atas hubungkait antara karya *Two Treatises of Government* dan teks-teks integrasi Irian Barat. Matlamat diatas harus dijalankan untuk memastikan sumbangan penyelidikan ini kepada perbincangan integrasi Irian Barat.

1.2. Skop Penyelidikan.

Kajian ini dihadkan kepada pentafsiran idea-idea falsafah politik John Locke dan teks-teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia. Pentafsiran idea falsafah politik John Locke akan dicungkal dari teks, *Two Treatise of Government* yang disunting oleh Peter Laslett dan diterbitkan oleh Cambridge University Press 1988. Sedangkan teks-teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia yang akan ditafsir adalah:

1. Teks Resolusi Kepala-Kepala Adat dan Wakil Rakyat bertarikh 20 Mei 1950.
2. *New York Agreement* bertarikh 15 Ogos 1962.

⁷ *Ibid.* II.136.

⁸ *Ibid*

3. Undang–Undang Pemerintah Republik Indonesia. No.12.Tahun 1969, Tentang Pembentukan Propinsi Otonom Irian Barat dan Kabupaten–Kabupaten Otonom di Propinsi Irian Barat.

1.3. Soalan Penyelidikan

1. Bagaimana John Locke memahami hubungan fungsi akal dan Hukum Alamiah dalam *State of Nature* (Keadaan Alamiah)?
2. Bagaimanakah John Locke memahami makna kekuasaan, kesetaraan dan kebebasan alamiah dalam *State of Nature* (Keadaan Alamiah)?
3. Bagaimanakah gagasan kontrak sosial mengakomodasi hukum alamiah, kekuasaan, kesetaraan, dan kebebasan individu?
4. Apakah gagasan Locke tentang keadaan alamiah, permuafakatan dan kekuasaan politik konsisten satu dengan yang lain?
5. Apakah gagasan keadaan alamiah, muafakat (*consent*) dan kekuasaan politik dalam falsafah politik John Locke dapat menjadi asas interpretasi teks – teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia?

1.4. Objektif Penyelidikan.

- 1 Menemukan interpretasi yang kukuh terhadap gagasan Locke tentang Keadaan Alamiah (*State of Nature*), Kontrak Sosial (*Social Contract*) dan Kekuasaan Negara (*Power State*).

2. Menemukan ketekalan hubungan antara gagasan Keadaan Alamiah, Kesepakatan (*consent*) dalam Kontrak Sosial dan Kekuasaan Negara (*Power State*) dalam falsafah politik John Locke.
3. Menemukan makna kebebasan, kekuasaan alamiah, permuafakatan dan kekuasaan politik dalam teks-teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia melalui interpretasi berdasarkan idea falsafah politik John Locke.

1.5. Sumbangan Penyelidikan.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam beberapa hal:

1. Kajian ini diharapkan memberi sumbangan dengan melahirkan satu interpretasi baru terhadap gagasan Keadaan Alamiah, Kontrak Sosial dan Kekuasaan Politik dalam falsafah politik John Locke.
2. Kajian ini diharapkan dapat digunakan bagi mengembangkan kajian lanjutan terhadap falsafah politik John Locke.
3. Kajian ini diharapkan dapat melahirkan interpretasi baru terhadap teks-teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia.
4. Kajian ini diharapkan bermanfaat melengkapi kajian–kajian yang pernah dilakukan terhadap Integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia.

1.6. Tinjauan Kajian Lalu

Kajian lepas yang akan dijelaskan dalam bahagian ini adalah ulasan para pakar tentang dua teori, iaitu teori–teori asas yang dituliskan John Locke dalam *Two*

Treatises of Government dan teori asas tentang integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia.

Penjelasan terperinci ke atas gagasan–gagasan John Locke tentang Keadaan Alamiah, Kontrak Sosial dan Kekuasaan Politik akan dilakukan dalam bab dua sampai empat. Dalam bahagian ini saya perlu menegaskan bahawa saya hanya akan membincangkan beberapa pandangan John Locke yang dikemukakan oleh para pakar tentang Keadaan Alamiah, Kontrak Sosial dan Kekuasaan Politik. Dalam melakukan penyelidikan ke atas falsafah politik John Locke khususnya gagasan keadaan alamiah, kontrak sosial dan kekuasaan negara, saya telah menemukan betapa banyak tulisan yang sudah dibuat. Hal ini menunjukkan bahawa John Locke telah melahirkan banyak karya–karya yang sangat terkenal. Mengambil kira situasi ini, saya menghadkan perbincangan ke atas kajian lepas yang ditulis oleh beberapa pengkaji. Kajian–kajian yang dimaksud iaitu kajian yang dianggap memberi pengaruh besar terhadap pembincangan falsafah politik John Locke.

Wolfgang von Leyden adalah seorang profesor di Universiti Durham, Inggeris. Ia adalah pakar falsafah John Locke yang telah menterjemahkan banyak karya Locke dari bahasa Latin ke dalam bahasa Inggeris. Dalam tulisannya yang bertajuk *John Locke and Natural Law* (1956), von Leyden menjelaskan penyelidikannya ke atas *Two Treatises of Government*. Ia menyelidiki tentang hukum alamiah dalam keadaan alamiah. Pertanyaan yang ia selidiki berhubungkait dengan epistemologi hukum alamiah. Bagaimanakah kita memiliki pengetahuan tentang hukum alamiah? Bagaimana hukum alamiah dapat mengikat individu–individu

dalam keadaan alamiah? Ia memulakan penjelasan bahawa gagasan hukum alamiah (*natural law*) adalah gagasan utama Locke dalam perbincangannya tentang pemerintahan civil (*Civil Government*). Bukan hanya itu, mengikut von Leyden, dua pemikiran besar Locke, iaitu teori tentang politik dan teori pengetahuan berakar daripada gagasannya tentang hukum alamiah.⁹ Pandangan di atas boleh menjadi indikator bahawa bagi von Leyden, karya-karya John Locke tidak dapat diinterpretasi terlepas daripada hukum alamiah. Hukum alamiah yang dimaksud oleh Locke tentunya berbeza daripada hukum alamiah yang dibincangkan oleh Galileo atau Newton. Locke tidak membicarakan hukum alamiah sebagai fenomena fizikal (*physical phenomena*) yang dapat diuji kebenarannya secara lazim seperti yang dilakukan oleh pakar-pakar sains fizik. Hukum alamiah yang dimaksud Locke berhubungkait dengan hukum moral (*moral law*).¹⁰ Ianya adalah hukum Tuhan yang bersifat imperatif. Kerana itu dapat berfungsi sebagai ukuran untuk benar dan salah.¹¹ Imperatif dalam hukum alamiah menurut von Leyden adalah: tugas melindungi kehidupan, beranak cucu, menyembah Tuhan, taat kepada ibu-bapa, menghormati kaum bangsawan, dan menghormati hak milik orang lain, hidup bersama orang lain dalam satu masyarakat.¹² Bagi von Leyden, imperatif itu tidak dapat dipisahkan daripada peranan akal atau rasio manusia. Ertinya, imperatif dalam hukum alamiah difahami melalui satu proses yang rasional, sehingga manusia dapat mengertinya. Mengikut von Leyden, jika secara fakta pengetahuan kita tentang

⁹ Wolfgang von Leyden, *John Locke and Natural Law*. Philosophy. 31:116.(1956), hlm.23.

¹⁰ *Ibid*

¹¹ *Ibid* .hlm.24

¹² *Ibid* .hlm.27

hukum itu melalui pengalaman akal, mengapa harus disebut sebagai sesuatu yang alamiah, atau mengapa harus disebut sebagai hukum alamiah? Pertanyaan ini menunjukkan bahawa dalam pandangan von Leyden, hal yang alamiah wujud bukan disebabkan oleh satu proses rasional.

Dalam penyelidikannya terhadap persoalan di atas, von Leyden tiba pada kesimpulan bahawa gagasan hukum alamiah John Locke secara historis harus dibincangkan berkait dengan gagasan dalam falsafah antik. Baginya, hukum alamiah, bukan satu gagasan yang baru sama sekali. Hubungan antara gagasan hukum alamiah dan akal sudah dibincangkan oleh beberapa ahli falsafah sebelumnya seperti, Thomas Aquinas, Richard Hooker dan juga Thomas Hobbes. Von Leyden dalam penyelidikannya juga memandang bahawa tidak dapat disangkal, gagasan Locke tentang hukum alamiah memiliki kelemahan yang sangat mendasar yang akhirnya akan membingungkan. Kelemahan itu terletak pada gagasan Locke yang tidak jelas tentang hubungan antara hukum alam sebagai hukum moral dan hukum akal.¹³ Bagi von Leyden, gagasan ini saling bertindih di antara satu dengan yang lain. Hukum moral dan hukum akal tidak dapat dikenal secara jelas. Kerana alasan ini von Leyden memandang bahawa gagasan John Locke tentang hukum alamiah terbuka untuk dikritik. Namun demikian, menurut von Leyden ini tidak bererti bahawa hukum alamiah sebagai asas kepada perbincangan tentang tanggungjawab moral dapat diabaikan atau ditolak.¹⁴

¹³ *Ibid.* hlm.34

¹⁴ *Ibid*

Leo Strauss seorang pakar falsafah di University of Chicago dalam tulisannya yang bertajuk, *On Locke's Doctrine of Natural Rights* (1952) mengemukakan hasil penyelidikannya ke atas gagasan John Locke tentang hukum alamiah. Strauss dalam tulisannya memahami bahawa gagasan John Locke dalam *Two Treatises of Government* merupakan satu rangkaian gagasan tentang hukum alamiah, hak alamiah dan jaminan perlindungan diri serta pemilikan sebagai sumber kebahagiaan. Strauss memandang bahawa memang dalam *Two Treatises*, Hukum alamiah dipandang sebagai sesuatu yang bersumber daripada Tuhan, namun pelaksanaan fungsi hukum ini tidak bergantung kepada Tuhan, tetapi bergantung kepada manusia¹⁵. Hukum alamiah ini harus dianggap sebagai penentu keadaan alamiah. Ertinya, keadaan alamiah hanya dapat disebut sebagai keadaan damai (*state of peace*) jika hukum alamiah wujud. Berkait dengan hukum alamiah, Strauss juga mengingatkan bahawa tidak ada satupun individu yang tertakluk di bawah hukum alamiah, jika ia tidak memiliki pengetahuan tentangnya. Seseorang hanya dapat mengerti hukum alamiah jika hukum itu ditanamkan didalam dirinya atau merupakan hukum yang tertulis di dalam hati manusia. Namun Strauss menegaskan bahawa dalam pandangan Locke, ini tidak bererti pengetahuan hukum moral diterima sebagai sesuatu yang telah tercetak di dalam fikiran kita sejak lahir (*innate*). Pengetahuan tentang hukum alamiah harus melalui satu proses belajar atau pemerhatian¹⁶. Tentang hak-hak alamiah, Strauss melihat bahawa bagi John Locke

¹⁵ Leo Strauss, *On Locke's Doctrine of Natural Right*. *Philosophical Review*. 61:4 (1952).hlm.479-480.

¹⁶ . *Ibid*. hlm.481

hak ini dimiliki oleh individu sejak ia dilahirkan. Ini harus dianggap benar kerana hadirnya konsep kebahagiaan. Hasrat untuk mencapai kebahagiaan dimiliki oleh semua individu. Hasrat ini tidak dapat dihalang. Ia merupakan hak mutlak. Dari pengertian ini, Strauss memandang bahawa dalam pandangan John Locke, hak-hak alamiah harus diterima sebagai hak yang tidak dapat ditolak, kerana ia bersifat semula jadi.¹⁷ Strauss selanjutnya menghubungkan gagasan hak alamiah dengan, kebahagiaan dan perlindungan diri. Ia memandang bahawa gagasan perlindungan diri dalam *Two Treatises* harus dibincangkan berkaitan dengan hak mutlak untuk kebahagiaan. Kebahagiaan seorang individu dianggap bergantung kepada apakah seseorang memiliki jaminan ke atas keselamatan dirinya atau tidak. Perlindungan diri yang dimaksud oleh Strauss bukan hanya keselamatan individu tetapi juga hak milik atas kekayaannya.¹⁸ Implikasi interpretasi Strauss ini akan melahirkan pemahaman bahawa dalam pandangan Locke, kerana hak-hak alamiah yang dimiliki individu dianggap bukan hasil dari sebuah permuafakatan masyarakat, maka kebahagiaan, perlindungan diri dan pemilikan ke atas harta dan kekayaan, harus dianggap mutlak seperti hak alamiah.

John W. Yolton, seorang profesor dalam kajian falsafah politik John Locke, menulis hasil penyelidikannya ke atas gagasan Keadaan Alamiah. Dalam sebuah kertas kerja bertajuk, *Locke on the Law of Nature* (1950) ia menjelaskan bahawa gagasan John Locke tentang hukum alamiah tidak dapat dibincangkan terpisah

¹⁷ . *Ibid*

¹⁸ . *Ibid*. hlm.483

daripada gagasan pengetahuan semulajadi (*innate knowledge*).¹⁹ Tidak ada pengetahuan semulajadi tentang hukum alamiah. Hukum ini hanya diperolehi melalui pengalaman akal sahaja. Tidak ada pengetahuan yang telah tertulis di dalam hati atau rasio manusia sejak ia dilahirkan kecuali melalui pengalaman akal.

Proses akal untuk mengerti hukum alamiah tidak merujuk kepada sebuah keupayaan membuat keputusan, berhujah dan menyimpulkan berdasarkan formulasi baku, iaitu kesimpulan dibuat berasaskan premis. Mengikut Yolton, John Locke membincangkan akal sebagai cahaya alamiah (*light of nature*) yang dapat menyingkapkan hukum alamiah. Untuk hal ini, tidak ada premis yang diperlukan untuk melahirkan satu kesimpulan. Kesimpulan – kesimpulan dalam hukum alamiah lahir segera ketika akal mengalaminya. Yolton melanjutkan pandangannya dan menjelaskan bahawa bagi John Locke, kesimpulan dalam hukum alamiah itu adalah ketetapan daripada Tuhan (*Decree of God*). Ia memang melalui proses penaakulan, tetapi hukum alamiah tidak bersumber daripada akal. Ia adalah sebahagian daripada kehendak Tuhan (*God's will*).²⁰

Selain gagasan keadaan alamiah, penyelidikan ke atas gagasan John Locke tentang kontrak sosial dan kekuasaan politik juga telah banyak dilakukan. Beberapa tulisan yang dianggap memberi sumbangan bagi penyelidikan ini, akan dibincangkan. John Dunn seorang pakar falsafah politik John Locke di King's College Cambridge, dalam tulisannya bertajuk *Consent in the Political Theory of*

¹⁹. John W. Yolton, Locke on the Law of Nature *The Philosophical Review*. 67:4 (1958). hlm.479.

²⁰. *Ibid.* hlm.483.

John Locke menuliskan hasil penyelidikan tentang kontrak sosial. Bagi Dunn, kontrak sosial harus dibincangkan berkait dengan tanggung jawab politik. Soalan penting yang dimajukan Dunn adalah, mengapa individu harus taat kepada kekuasaan yang sah dalam satu masyarakat politik. Menurut Dunn, ini tidak dapat dijawab hanya dengan mengatakan bahawa: kerana individu telah melakukan permuafakatan untuk itu.²¹ Memang mengikut Dunn permuafakatan dapat difahami sebagai sumber tanggung jawab politik dimana ketaatan kepada kekuasaan politik termasuk didalamnya. Namun ini sekali lagi bukan alasan mengapa individu tertakluk dibawah kekuasaan politik.²² Dunn dalam tulisannya menghubungkan kontrak sosial dengan gagasan tentang Tuhan dan permuafakatan yang masuk akal. Ia memandang bahawa sebuah permuafakatan dalam sosial kontrak bukan hanya berkait dengan subjek, tetapi dengan Tuhan. Permuafakatan dalam kontrak sosial dapat dipandang sebagai hukum Ilahi yang beroperasi secara alamiah, dimana manusia terikat dengannya.²³ Oleh hukum ini, manusia terikat dengan kewajipan dan tanggung jawabnya kepada Tuhan dan dirinya sendiri. Manusia bertanggung jawab melindungi diri.²⁴ Dengan penjelasan ini dapat dikatakan bahawa bagi Dunn, ketaatan individu kepada kekuasaan politik yang sah merupakan kewajipan yang harus dipertanggung jawabkan kepada Tuhan. Ini tidak bermaksud mengatakan bahawa bagi Dunn, kekuasaan politik difahami sebagai kekuasaan Tuhan. Dunn tidak membicarakan hal ini. Selain menghubungkan kontrak sosial dengan gagasan

²¹. John Dunn, "Consent in the Political Theory of John Locke", *The Historical Journal*, 10:2 (1967).hlm. 156

²². *Ibid*

²³. *Ibid.* hlm.156

²⁴. *Ibid.* hlm.157

tentang Tuhan, Dunn juga memberi penjelasan tentang apa yang ia maksudkan dengan permuafakatan yang diterima akal.²⁵ Permuafakatan ini digunakannya untuk menjelaskan sumber tanggung jawab politik. Tanggung jawab politik lahir dari suatu proses rasional. Ia memandang bahawa satu–satunya sumber asli autoriti yang sah (*legitimate authority*) dimana individu wajib menaaklukkan dirinya adalah: permuafakatan yang dapat diterima oleh akal, bukan kondisi mental atau emosi. Yang dapat diterima akal itu adalah larangan untuk membunuh termasuk membunuh diri sendiri.²⁶ Ketaatan terhadap kekuasaan politik harus dilakukan bertolak dari pemahaman ini. Jika individu taat kepada kekuasaan politik, maka ketaatan itu harus memberi jaminan bahawa permuafakatan yang dibuat memiliki kekuatan untuk melindungi individu–individu. Pada saat yang sama jaminan itu mengelakkan lahirnya kekuasaan politik zalim.

Peter Laslett, seorang professor pakar dalam kajian John Locke di Trinity College Cambridge, menuliskan pendapatnya tentang falsafah politik John Locke dalam bahagian pengenalan kepada *Two Treatises of Government* yang terbit tahun 1988. Laslett menjelaskan tentang gagasan keadaan alamiah, kontrak sosial dan tanggung jawab politik individu dalam sebuah negara. Menurut Laslett, keseluruhan gagasan John Locke dalam *Two Treatises* bersumber daripada idea bahawa semua manusia diciptakan oleh Tuhan. Tuhan melihat dari syurga apa yang terjadi di muka bumi. Manusia yang diciptakan oleh Tuhan itu memiliki kebebasan (*Freedom*) dan juga kesetaraan (*Equality*). Menurut Laslett, Locke mencadangkan Keadaan

²⁵ . *Ibid.* hlm.158

²⁶ . *Ibid*

Alamiah yang terkawal oleh hukum alamiah. Namun disedari bahawa manusia bukan hanya memerlukan hukum alamiah tetapi hukum yang disepakati bersama untuk melindungi diri mereka dan juga hak milik atau barang dan kekayaan. Untuk inilah diperlukan satu kekuasaan politik yang oleh Locke harus di lahir dari sebuah kontrak sosial. Laslett dalam tulisannya menyimpulkan tiga gagasan basis dalam falsafah politik John Locke, iaitu keadaan alamiah, permuafakatan dan kekuasaan politik.²⁷

Beberapa penyelidikan yang dilakukan oleh para pakar di atas merupakan petunjuk bahawa penyelidikan ke atas falsafah politik John Locke berpusat kepada karyanya *Two Treatises of Government*. Kajian-kajian itu menyingkapkan isi gagasan Locke yang paling asas. Dalam kajian-kajian yang dimaksud, memang gagasan Locke dibincangkan secara terperinci namun demikian sering penjelasan yang dibuat terpisah dari gagasan yang lain. Akibatnya, tidak mudah menemukan sebuah karya yang menyajikan falsafah politik John Locke secara lengkap. Padahal, pandangan yang lengkap ke atas sebuah karya itu amatlah penting, untuk menemukan makna sebuah gagasan yang menuju kepada yang benar. Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, kajian ini dilakukan. Kajian ini bukan untuk menyempurnakan kajian yang sudah dilakukan sebelumnya. Kajian-kajian lepas di atas ditempatkan sebagai dasar untuk menemukan ketekalan antara tiga idea dasar John Locke dalam *Two Treatises*, iaitu gagasan keadaan alamiah, permuafakatan

²⁷. Lihat Peter Laslett, *The Social and Political Theory of Two Treatises of Government* dalam Peter Laslett (ed.) *Two Treatises of Government*. (Cambridge: Cambridge university Press, 1998) hlm. 93-121

dan kekuasaan politik. Tiga gagasan ini yang kemudian akan digunakan sebagai asas untuk menginterpretasikan teks–teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia.

Meskipun kajian secara khusus ke atas hubungkait antara gagasan falsafah politik John Locke dan teks- teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia, belum pernah dilakukan, namun hasil kajian sejarah dan sains politik yang dilakukan John Saltford (2003) dan Pieter Drooglever (2010) dapat menjadi indikator bahawa gagasan–gagasan falsafah politik Locke tentang Hak individu, Kebebasan, Kontrak Sosial, dan Kekuasaan merupakan gagasan yang juga dibincangkan dalam teks-teks integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia. Indikator ini dikukuhkan melalui penggunaan teks–teks integrasi tersebut oleh para pakar yang dimaksud. John Saltford mengakui penggunaan teks–teks yang dimaksud. Ia mengatakan:

Much of the material on which this book is based is taken from documents that were declassified at my request by the UN Archives in New York. The other major sources of information have some from British and Australian National Archives. US and Dutch government record have also been used.²⁸

Berdasarkan arkib teks-teks integrasi itu, Saltford mempersoalkan *New York Agreement 1962* sedangkan Drooglever menjelaskan fakta sejarah tentang *Act of Free Choice 1969*. Saltford sampai pada kesimpulan bahawa meskipun Irian Barat pada tahun 1969, oleh Pertubuhan Bangsa–Bangsa Bersatu dinyatakan sebagai *a non-self-governing territory*, namun artikel 5 dalam *New York Agreement 1962*,

²⁸ John Saltford, *The United Nations and The Indonesian Takeover of West Papua, 1962-1969* (London: Routledge Curzon, 2003).hlm. 3

menjadi alasan utama bagi orang Papua Barat menentukan masa depan mereka sendiri.²⁹ Meskipun kesimpulan Saltford tidak menggunakan istilah yang sama dalam teks *Two Treatises*, namun kesimpulan Saltford tentang hak orang Papua menentukan masa depan sendiri, berkait erat dengan gagasan Locke tentang hak individu dan kontrak sosial.

Saltford dan Drooglever menggunakan teks–teks integrasi Irian Barat untuk mengungkap aspek kesejarahan dari situasi politik di Irian Barat 1962-1969. Teks–teks tersebut difahami sebagai media untuk pembinaan semula konteks politik masa itu. Pembinaan semula itu boleh menjadi alasan untuk melahirkan kritikan terhadap integrasi Irian Barat ke dalam Republik Indonesia. Namun dalam kajian yang saya lakukan, hubungkait gagasan Locke dalam *Two Treatises of Government* dan teks – teks integrasi Irian Barat dilihat sebagai hubungkait antara teks dalam aras maknanya (*meaning*), bukan sejarah atau konteks politik. Konteks sejarah, politik dan budaya yang melahirkan falsafah politik John Locke dianggap tidak memiliki hubungan dengan konteks daripada teks–teks integrasi Irian. Menurut saya makna dari satu gagasan atau konsep bersifat universal. Implikasinya, ia tidak dihadkan oleh ruang dan masa. Kerana itu, secara hakiki, makna bersifat transenden, meskipun ia dibahasakan dalam berbagai–bagai bentuk simbol dan bahasa atau dilahirkan oleh masa yang berbeza. Bertolak daripada pemahaman ini saya menganggap bahawa gagasan–gagasan falasfah politik Locke dalam *Two Treatises*,

²⁹ *Ibid.* hlm. 180

secara transenden memiliki hubungkait dengan gagasan – gagasan dalam teks – teks integrasi Irian Barat.

1.7. Kaedah Penyelidikan.

Merujuk pada kajian lepas di atas, saya menganggap bahawa dalam aras makna, ada hubungkait yang erat antara gagasan falsafah politik John Locke dengan teks integrasi Irian Barat. Falsafah politik John Locke boleh memberi sumbangan bagi pentafsiran teks integrasi Irian Barat. Hipotesis ini, sudah tentu mesti dibuktikan dengan menunjukkan gagasan manakah dari falsafah politik John Locke yang boleh digunakan dalam kajian teks integrasi Irian Barat dan mana yang tidak. Melalui cara ini sumbangan falsafah politik John Locke menjadi jernih.

Dalam penyelidikan ini, saya menggunakan kaedah analisis hermeneutik. Memandangkan luas dari skop perbincangan hermeneutik, saya perlu menjelaskan kaedah analisis hermeneutik yang saya gunakan dalam kajian ini.

Kata Hermeneutik secara etimologi berasal dari bahasa Yunani “*hermeneuin*”, bererti ‘menafsir’. Maka kata benda *hermeneia* dapat diertikan ‘penafsiran’. Kerja – kerja pentafsiran yang tersebut ternyata telah berlangsung sangat lama. Arsitotle dalam karyanya *Peri Hermeneias* atau *De Intepretatione* memandang bahawa kata-kata yang kita ucapkan adalah simbol dari pengalaman mental kita, dan kata-kata yang kita tulis adalah simbol dari kata-kata yang kita ucapkan. Sebagaimana seorang individu tidak memiliki kesamaan bahasa tulisan dengan individu yang lain, maka demikian pula ia tidak memiliki bahasa ucapan yang sama dengan individu yang

lain. Namun demikian pengalaman mental yang disimbolkan adalah sama untuk semua orang. (*De Interpretatione I.16a.5*).

Pandangan Aristotle di atas ternyata menjadi asas bagi ahli-ahli falsafah moden untuk membangunkan pandangan mereka. Friedrich Schleiermacher (1768-1834) misalnya, walaupun tidak sama persis dengan Aristotle, tetapi hermenetikanya masih tertumpu kepada teks sama seperti Aristotle. Schleiermacher melihat bahawa pemahaman kita peroleh dengan melihat bagaimana semua bahagian teks berkaitan satu dengan yang lain. Pembinaan semula yang menyeluruh dan bersepadu dari satu teks tidak akan pernah lengkap jika perincian daripada teks diabaikan. Keseluruhan proses pembinaan semula teks ini, yang disebut kaedah hermeneutik, iaitu satu proses memahami dan mentafsir.³⁰ Disamping Schleiermacher, ahli falsafah moden yang memberi sumbangan dalam kajian hermeneutik adalah Hans Georg Gadamer. Ia mengatakan bahawa falsafah hermeneutik memahami dirinya sendiri bukan sebagai posisi mutlak yang harus lahir dari pengalaman, sebaliknya sebagai jalan menuju pengalaman. Itu sebabnya tidak ada prinsip yang lebih tinggi daripada mengusahakan diri tetap terbuka untuk berbicara dengan orang lain.³¹ Paul Ricoeur membicarakan hermeneutik berkait dengan makna dan simbol. Apabila terdapat kepelbagaian makna, maka di situ tafsiran diperlukan. Apalagi jika simbol-simbol dibabitkan, tafsiran menjadi sangat penting, sebab di sini terdapat makna yang mempunyai banyak lapisan. Menurut Ricoeur, falsafah pada dasarnya adalah

³⁰ Friedrich Schleiermacher, *Hermeneutics: The Handwritten Manuscripts*, ed. Heinz Kimmerle., terj. James Duke & Jack Fortsman. (Monatana: Scholars Press, 1977) hlm. 97

³¹ Hans Georg Gadamer, *Philosophical Hermeneutics*, terj dan ed David Linge (Berkeley: University California Press, 1976) hlm. 189.

sebuah hermeneutik, yaitu kupasan tentang makna yang tersembunyi dalam teks yang kelihatan mengandung makna.³² Kerana itu setiap interpretasi adalah sebuah pekerjaan menyelongkar makna yang masih tersembunyi, atau membuka lipatan-lipatan makna dalam sebuah teks. Menurut Ricoeur, kata adalah simbol. Kata menggambarkan makna lain yang sifatnya tidak langsung, kerana itu makna hanya dapat dimengerti melalui simbol. Montefiore menerangkan maksud Ricoeur demikian: hermeneutik bertujuan menghilangkan misteri yang terdapat dalam sebuah simbol dengan cara membuka selubung yang menghalang sebuah makna. Selubung yang tersebut adalah kata-kata sebagai simbol dalam bahasa.

Meskipun Aristotel, Schleiermacher, Gadamer dan Ricoeur bersama-sama membincangkan bagaimana pentafsiran teks harus dikerjakan, namun pandangan mereka masih dapat dibezakan. Aristotel menggunakan pendekatan logik bahasa, khususnya silogism untuk memahami makna satu pernyataan dalam teks. Melalui silogisme idea-idea dapat diafirmatif atau juga dapat ditolak. Melalui cara ini idea-idea dalam sebuah teks dapat diklasifikasi. Dengan demikian, kemungkinan menemukan makna sebuah teks lebih mudah dilaksanakan. Scheleirmacher pada sisi yang lain memahami teks terkakit erat dengan penulis dan pembacanya, juga aspek tata bahasa dan psikologi. Schleirmacher memandang makna sebuah teks bergantung pada penulis dan pembaca. Memahami makna teks, harus memahami penulis dan juga pembacanya. Berkait dengan pentafsiran, Gadamer memiliki persamaan dengan Scheleirmacher. Gadamer memandang bahawa pemahaman ke

³² Paul Ricoeur, *The Conflict of Interpretation* (Evaston: Northwestern University Press, 1974).hlm.22.

atas teks hanya boleh terjadi jika teks dan penafsir menyatu. Paul Ricoeur memiliki pendekatan yang berbeza. Ia membincangkan hermeneutik simbol. Yang dimaksud simbol adalah, setiap bentuk tanda yang mengandung makna langsung atau tidak langsung. Kata-kata dalam teks dipanggil simbol daripada bahasa yang dapat mengandung makna langsung atau tidak langsung. Kerana kata-kata dalam sebuah teks dapat dianggap simbol daripada bahasa maka sama ada makna langsung atau tidak langsung, hanya boleh ditemukan dengan cara mentafsir simbol bahasa. Kerana itu, pentafsiran secara sederhana boleh panggil sebagai satu proses mentafsir simbol.

Dalam penyelidikan ini, pendekatan pentafsiran yang akan digunakan adalah analisis hermeneutik berasaskan simbol dalam bahasa yang dijelaskan oleh Ricoeur. Yang dimaksud dengan simbol bahasa adalah, semua kata-kata dalam teks. Berasaskan pandangan Ricoeur saya memandang bahawa sebuah pekerjaan hermeneutik berhubungan dengan teks, simbol dan makna. Karena itu analisis hermeneutik, dapat saya jelaskan sebagai sebuah pekerjaan memahami makna dalam teks melalui kata-kata sebagai simbol dalam bahasa. Berkait dengan penelitian yang saya kerjakan, teks yang dimaksud dalam tesis ini adalah: *Treatises of Government*, *New York Agreement 1969*, Resolusi Kepala Adat 1950 dan Undang- Undang no 12.1969: Tentang Pembentukan Propinsi Autonom Irian Barat dan Kabupaten– Kabupaten Autonom di Propinsi Irian Barat. Sedangkan kata-kata sebagai simbol bahasa dalam teks-teks diatas adalah kata-kata yang dianggap sebagai kata kunci (*key words*) dalam teks *Two Treatises* yang memiliki makna setara atau sama

dengan kata-kata dalam teks-teks integrasi. Kata kunci yang dimaksud dalam penjelasan ini merujuk pada kata-kata sebagai simbol bahasa. Menurut saya, kata kunci boleh dipanggil simbol bahasa kerana kata kunci bahagian daripada teks.

Merujuk kepada pandangan Ricoeur di atas maka analisis hermeneutik yang dimaksudkan dalam penelitian ini adalah pekerjaan menemukan makna yang tersembunyi daripada kata-kata kunci sebagai simbol bahasa yang digunakan John Locke dalam *Two Treatises* dan juga teks integrasi. Dalam penyelidikan ini, setiap gagasan dalam kata-kata kunci akan dipanggil gagasan kunci. Gagasan-gagasan kunci yang saya teliti dalam penyelidikan ini iaitu: idea yang terangkum dalam Keadaan Alamiah, iaitu: Kebebasan, Kesetaraan dan Kekuasaan dan idea yang tercakup dalam permuafakatan politik, iaitu Kontrak Sosial, Kekuasaan Politik.

Kaedah analisis heremeneutik dalam pekerjaan penelitian ini akan dilakukan dengan cara:

Satu, membaca semua teks yang diteliti. Melalui pembacaan ini dilakukan pengelasan kata kunci sebagai simbol bahasa. Gagasan yang memiliki cakupan yang luas dan gagasan yang memiliki cakupan yang lebih sempit. Kuasa Alamiah adalah contoh gagasan yang lebih sempit dibandingkan dengan Keadaan Alamiah. Kerana itu, Kuasa Alamiah harus diinterpretasi dalam konteks perbincangan Keadaan Alamiah. Gagasan yang diturunkan dari gagasan yang lebih luas harus diinterpretasi terikat dengan gagasan asalnya. Kuasa alamiah adalah gagasan yang bersumber dari Keadaan Alamiah.

Dua, memahami gagasan kunci berdasarkan konteks jauhnya. Konteks jauh yang saya maksud adalah gagasan ahli falsafah yang mempengaruhi kemunculan gagasan kunci dalam *Two Treatises*. Sedangkan konteks jauh teks-teks integrasi adalah situasi yang melatar belakangi kelahiran teks dan juga gagasan para pengkaji semasa. Dari proses ini saya dapat memahami asal usul lahirnya gagasan kunci yang akan diteliti.

Tiga, memahami gagasan–gagasan kunci berdasarkan konteks dekat. Konteks dekat yang saya maksud adalah hubungan antara sebuah gagasan dan keseluruhan gagasan sebagai asalnya. Dalam peringkat ini semua gagasan kunci akan dilihat terkait dengan idea yang lebih luas dimana gagasan kunci itu menjadi bahagiannya. Makna daripada gagasan kebebasan, kesetaraan dan kekuasaan akan diturunkan dari gagasan Keadaan Alamiah sebagai asalnya. Dalam hal ini Keadaan Alamiah harus disebut sebagai idea yang lebih luas dibandingkan kebebasan, kesetaraan dan kekuasaan. Keadaan Alamiah dianggap sebagai asal-muasal daripada ketiga gagasan yang dimaksud. Makna kebebasan, kesetaraan dan kekuasaan, hanya dapat dilahirkan dari sebuah proses analisis terhadap hubungan antara ketiga-tiga gagasan ini dengan gagasan Keadaan Alamiah. Cara yang sama juga akan dilakukan terhadap gagasan Kontrak Sosial, Kekuasaan Politik dan gagasan Kesepakatan Politik sebagai asalnya.

Empat, semua gagasan kunci akan dikaji berdasarkan pandangan pengkaji semasa. Dalam proses ini saya akan menjelaskan pandangan beberapa pengkaji semasa tentang Kebebasan, Kesetaraan, Kekuasaan, Kontrak Sosial dan Kekuasaan

Politik menurut John Locke dan juga teks integrasi. Pada peringkat ini pekerjaan menganalisis akan dilakukan secara kritis terhadap hujah para pengkaji semasa tentang gagasan kunci yang saya sebutkan diatas. Saya akan menolak ulasan-ulasan yang saya anggap tidak tepat.

Lima, membuktikan hubungan makna Kebebasan, Kesetaraan, Kekuasaan, Kontrak Sosial dan Kekuasaan Politik dalam *Two Treatises* dan teks integrasi. Pembuktian ini akan dilakukan berdasarkan data dan fakta yang tertulis dalam teks integrasi Irian Barat. Data dan fakta dalam teks integrasi harus dianggap sebagai kejadian yang sebenar. Jika dalam dalam teks integrasi Irian Barat ditemukan fakta dan data bahawa masyarakat Papua benar-benar menikmati dan dapat mewujudkan kebebasan, kesetaraan, kekuasaan, kontrak sosial maka harus dikatakan bahawa gagasan John Locke dapat diaplikasikan bagi memberikan sumbangan pemikiran terhadap persoalan integrasi Irian Barat, jika sebaliknya atau hanya beberapa, maka harus dikatakan bahawa hanya beberapa gagasan John Locke yang dapat diaplikasikan bagi memahami kes integrasi.

1.8. Organisasi Tesis

Kajian ini akan diorganisasikan dalam enam bab, iaitu:

Bab Pertama, berisi latarbelakang penyelidikan, skop penyelidikan, soalan penyelidikan, objektif, sumbangan penyelidikan, tinjauan kajian lalu dan kaedah penyelidikan. Bab ini bertujuan memberi gambaran umum ke atas kajian yang saya lakukan.

Bab dua mengenai konteks gagasan falsafah politik John Locke. Konteks yang saya maksud adalah hubungkait antara gagasan–gagasan dalam falsafah politik John Locke dengan para pakar falsafah yang hidup sebelum Locke. Untuk memperjelas hubungkait ini, maka konteks yang dimaksud dihadkan kepada hubungan Falsafah Politik Richard Hooker, Thomas Hobbes dan John Locke. Ini dilakukan kerana kedua-dua pakar falsafah tersebut lahir pada satu negara yang sama, dengan kondisi politik yang sama dengan John Locke

Bab tiga membincangkan gagasan tentang Keadaan Alamiah. Dalam bahagian ini akan didedahkan gagasan tentang Manusia, dan Hukum Alamiah. Kedua– dua gagasan ini dipandang sebagai idea asas yang digunakan Locke untuk menjelaskan konsep dan makna daripada Keadaan Alamiah. Tujuan bab ini adalah untuk menemukan interpretasi ke atas gagasan Keadaan Alamiah. Untuk mencapai tujuan yang dimaksud, setiap idea yang diturunkan dari idea tentang Manusia dan Hukum Alamiah. Kerana idea dalam gagasan Manusia dan Hukum Alamiah dapat memiliki pembezaan yang tak terkira, maka bab ini hanya akan menggunakan idea asas Manusia dan Hukum Alam yang saya panggil sebagai idea pertama, serta idea yang mengikutinya sebagai idea kedua. Yang saya maksud dengan idea yang kedua dari idea Manusia adalah Kebebasan, Kesetaraan, Kekuasaan, Kerosakan (*Chaos*), dan Pengetahuan (*Knowledge*). Sedangkan yang saya panggil sebagai idea kedua dari Hukum Alamiah adalah: Tuhan, Moral dan Perdamaian. Bab ini juga menjelaskan kemungkinan–kemungkinan konflik gagasan yang muncul kerana interpretasi idea–idea dalam gagasan Keadaan Alamiah.